

CNS9880

U PB 07-11 00182 BH038

BAH

PEMUDA IJMNO LUI.USUSUL TERGEMPAR

UMNO - Usul (Mahathir )

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama )-- Perhimpunan Agung Psrgerakan Pemuda UMNO hari ini meluluskan sebulatsuara usul tergempar bagi memberi penghormatan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas sumbangannya kepada negara dan parti.

Ketika meluluskan usul yang dibentang Ketua Penerangannya, Senator Zahid Hamidi, gerhimpunan itu juga memberi pengiktirafan kepada Perdana Menteri sebagai +Arkitek Malaysia Moden+.

Perwakilan seramai 398 orang itu juga bsrikrar membsri sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir untuk terus memimpin sebagai Perdana Ment eridan Presi den IJMNO.

Usul itu, merakamkan ucapan tahniah, besar hati dan terima kasih di atas sumbangan dan peranan beliau kepada psmbangunan negara.

Menurut usul itu, rekod cemerlang Datuk Seri Dr Mahathir membuktikan beliau sebagai seorang pemimpin, perancang, pendidik dan pemikir wawasan bangsa, negara dan dunia antarabangsa.

Keyakinan dan pengiktirafan dunia terhadap kepimpinan Perdana Menteri juga terbukti dengan perlantikan beliau sebagai Pengerusi Kumpulan 11 Komanwel mengenai Hal Ehwal Afrika Selatan pada Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel di Zimbabwe baru-baru ini.--Lagi.

♥07/11/18-08MST

CNS9881

U PB 07-11 00094 BH039

RAH

IJMNO -Usul (Mahathir) 2 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir juga memperlihatkan sikap tegas yang berterusan dalam menjuarai isu-isu antarabangsa, menurut usul itu.

Tajuga member-i pengiktirafan kepada kesungguhan Datuk Seri Dr Mahathir untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju melalui Wawasan 2020 dan kejayaannya menyelamatkan IJMNO selepas parti itu diisytiharkan haram oleh mahkamah pada 4 Fsb 1988 serta memulihkan iklim politik dan psrpadian negara.

Usul itu juga memberi penghormatan kepada Perdana Msnteri kerana berjaya meningkatkan kepercayaan pelabur asing dan pertumbuhan ekonomi negara. -- Bernama.

♥07/11/18-10MST